

Penceramah bebas direman lagi

Selama lima hari bagi bantu siasatan kes rogol remaja perempuan bawah umur

Oleh SAIFULLAH AHMAD
IPOH



Suspek dibawa ke Mahkamah Sesyen Ipoh pada Khamis bagi mendapatkan perintah reman.

Seorang penceramah bebas direman lagi selama lima hari sehingga 1 Ogos depan berkaitan kes rogol membabitkan remaja perempuan bawah umur di Mahkamah Majistret Ipoh di sini pada Khamis.

Permohonan reman dibuat bagi membolehkan lelaki berusia lingkungan 30-an itu disiasat membabitkan kes yang berlaku di negeri ini pada Januari lalu.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Noor Azreen Liana Mohd Darus.

Individu tersebut sebelum ini

pernah direman di Selangor selama lima hari bagi kes sama.

Polis Perak sebelum ini mengesahkan menerima satu laporan kes rogol membabitkan penceramah bebas yang ditahan di Selangor pada 18 Julai lalu.

Pada 19 Julai, *Sinar Harian* melaporkan suspek ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan dan Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual

Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Siasatan awal mendapati mangsa berusia 14 tahun telah berkenalan dengan suspek sejak Mei tahun lalu dan mereka telah beberapa kali melakukan hubungan intim di beberapa lokasi berbeza.

Setakat ini, sebanyak empat kertas siasatan dibuka iaitu dua di Selangor, masing-masing satu di Kuala Lumpur dan Perak melibatkan pengadu yang sama.